

²⁴² Terjemahan zahir bagi tajuk bab ini ialah “Bab Kelebihan Ilmu”, tetapi agak tidak sesuai diletakkan tajuk yang betul-betul sama dengan bab pertama sekali di bawah Kitab Ilmu ini, kerana tentunya Imam Bukhari sendiri tidak akan mengemukakan dua tajuk bab yang sama lafaznya dengan maksud yang sama. Berikut dikemukakan beberapa pendapat ‘ulama’ yang telah berusaha merungkai maksud tajuk bab yang mengandungi teka-teki ini:

(1) Boleh saja diterjemahkan kedua-dua bab ini sebagai “Bab Kelebihan Ilmu”, cuma bab pertama terdahulu menyebutkan tentang kelebihan ilmu secara mutlaq, bab ke-22 ini pula menyebutkan kelebihan ilmu kerana ia boleh diajarkan.

(2) Sesetengah ‘ulama’ mengatakan bahawa tajuk bab pertama sekali di dalam Kitab Ilmu tidak ada disebutkan Bab Kelebihan Ilmu dan terus dimulakan dengan firman Allah, kerana sesetengah nuskah Bukhari tidak menyebutkannya langsung.

(3) Ada juga ‘ulama’ yang mengatakan bahawa bab pertama menyebutkan tentang kelebihan ‘ulama’ yakni باب فضيلة العلماء dan bab ke-22 ini menyebutkan tentang kelebihan ilmu itu sendiri iaitu باب فضيلة العلم, kerana selepas menyebutkan Bab Kelebihan Ilmu dalam tajuk bab yang pertama, Imam Bukhari menyebutkan firman Allah yang menyatakan kelebihan orang yang berilmu, katanya: بَابُ فَضْلِ الْعِلْمِ وَقَوْلُ اللَّهِ: يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ, sedangkan di sini pula disebutkan hadits tentang ilmu itu sendiri.

(4) Perkataan فضل dalam tajuk bab ini difahami dengan erti ‘lebihan’, taqdirnya: باب ما باب العلم atau boleh juga ia ditaqdirkan begini: باب العلم الفاضل atau باب الفاضل من العلم atau باب العلم الزائد عن حاجة المرء dan lain-lain. Kesemuanya memberi maksud ilmu yang lebih dari apa yang diperlukan atau sisa ilmu. Inilah pendapat pilihan al-Kirmani, Hafizh Ibnu Hajar, as-Sindi dan Syeikhul Hind Maulana Mahmudul Hasan.

(5) Perkataan فضل dalam tajuk bab ini difahami dengan erti ‘banyak’, taqdirnya: باب زيادة العلم, kerana hadits yang dikemukakan di bawahnya menyatakan banyaknya ilmu agama dalam bentuk susu yang melimpah-limpah.

Penulis merasakan pendapat ke-4 lebih sesuai, iaitu: Bab Lebihan Ilmu kerana hadits yang dikemukakan oleh Imam Bukhari lebih sesuai dengannya, di mana Nabi s.a.w. telah diberikan ilmu yang banyak sehingga masih ada lebihan selepas diminum Baginda. Hadits itu juga menunjukkan keistimewaan orang yang berkongsi lebihan ilmu itu kepada orang lain dan memberikan peluang kepadanya untuk mendapatkan sedikit sebanyak apa yang dia telah dapati.

Lebihan ilmu itu seperti ilmu fardhu kifayah atau lain-lain ilmu yang tidak merupakan asas untuk panduan hidup, kerana dibimbangi ada yang tersilap faham dari hadits Nabi s.a.w. di bawah ini bahawa tidak boleh dipelajari ilmu yang lebih dari keperluan:

مِنْ حُسْنِ إِسْلَامِ الْقَوْمِ تَرْكُهُ مَا لَا يَغْنِيهِ

٨٣ - حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ عُقَيْرٍ قَالَ حَدَّثَنِي اللَّيْثُ قَالَ حَدَّثَنِي عُقَيْلٌ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ حَمْزَةَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ أَنَّ ابْنَ عُمَرَ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ بَيْنَنَا أَنَا نَائِمٌ أُتِيتُ بِقَدَحٍ لَبَنٍ فَشَرِبْتُ حَتَّى إِنِّي لَأَرَى الرَّيَّ يَخْرُجُ فِي أَظْفَارِي ثُمَّ أُعْطِيتُ فَضْلِي عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ قَالُوا فَمَا أَوْلَتْهُ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ أَلْعَلِمَ.

83- Sa'id Bin 'Ufair²⁴³ meriwayatkan kepada kami, katanya: Al-Laits (bin Sa'ad) meriwayatkan kepadaku, katanya: 'Uqail (bin Khalid al-Aili) meriwayatkan kepadaku daripada Ibnu Syihab (az-Zuhri) daripada Ĥamzah²⁴⁴ bin 'Abdillah bin 'Umar, bahawa Ibnu 'Umar berkata: Aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: “Ketika aku sedang tidur, (aku bermimpi) dibawa kepadaku semangkuk susu. Lalu aku meminumnya sehingga betul-betul ku

Bermaksud: Salah satu tanda keelokan Islam seseorang ialah dia menjauhi perkara yang tidak berguna kepadanya.

Jadi maksudnya ialah lebih ilmu itu juga berguna, mempelajari dan mengajarkannya juga berpahala, dan ia tidak termasuk dalam perkara sia-sia.

Lebih ilmu itu juga boleh difahami sebagai lebih tempat menampung ilmu, seperti kitab yang lebih, kitab yang tidak mampu dibaca, tulisan-tulisan yang bermanfaat tetapi tidak lagi diperlukan seseorang kerana sudah mengingatnya, peluang-peluang pengajian dalam bentuk bantuan kewangan dan lain-lain, semuanya boleh diberikan kepada orang lain yang memerlukan. Ilmu-ilmu yang dianggap tidak berapa penting kepada diri sendiri tetapi berguna kepada orang-orang lain juga dikira sebagai lebih ilmu dan seharusnya diajarkan.

²⁴³ Beliau ialah Sa'id bin Katsir bin 'Ufair al-Mishri. Sa'id lebih popular dibinkan kepada datuknya 'Ufair. Biodatanya telah pun berlalu pada hadits no:72.

²⁴⁴ Beliau ialah Ĥamzah bin 'Abdillah bin 'Umar bin al-Khatthāb al-Qurasyi al-Madani al-'Adawi, cucu Saiyyidina 'Umar Khalifah kedua umat Islam dan salah seorang fuqaha' dari kalangan tābi'in yang terkenal. Kuniannya ialah Abu 'Umārah. Beliau mendengar hadits daripada ayahnya, 'Aaishah dan juga Mak ciknya Ĥafshah. Az-Zuhri dan Musa bin 'Uqbah adalah antara tokoh yang meriwayatkan hadits daripadanya. Ahmad bin 'Abdillah berkata, “Ĥamzah seorang tābi'i yang tsiqah.” Ibnu Sa'ad pula berkata, “Ibunya seorang Ummu Walad, ia juga merupakan ibu Sālim dan 'Ubaidullah. Ĥamzah seorang perawi tsiqah yang tidak banyak meriwayatkan hadits. Bagaimanapun semua pengarang kitab-kitab utama hadits memasukkan haditsnya ke dalam kitab-kitab mereka. Tahun meninggal Ĥamzah tidak dapat diketahui dengan tepat. Bagaimanapun tersebut di dalam Tārīkh al-Islam oleh adz-Dzahabi bersama taḥqīq Dr. Basyār 'Awwād Ma'rūf bahawa beliau (Ĥamzah) meninggal dunia di antara tahun 101 hingga 110 Hijrah.

nampak rembesan susu (yang diminum itu) keluar pada²⁴⁵ kuku-kukuku.²⁴⁶ Kemudian aku memberi lebih susu yang diminum olehku itu kepada `Umar bin Al-Khatthab.”<sup>247</sup> Para Sahabat bertanya: “Apakah ta`bir mimpi itu, wahai Rasulullah?” Baginda s.a.w. menjawab: “`Ilmu.”²⁴⁸

²⁴⁵ Perkataan في di sini boleh juga dipakai dengan ma`na من (dari), seperti tersebut di dalam riwayat Ibnu `Asākir. Maksudnya susu itu keluar dari kuku-kukuku, penggunaan في dengan erti من seperti ini dapat dilihat umpamanya pada hadits masyhur di bawah ini:

اغْتَسَلَ بَعْضُ أَزْوَاجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي جُفْنَةٍ

Bermaksud: Salah seorang isteri Nabi s.a.w. telah mandi (dengan menggunakan air) dari satu besen (air).

Perkataan في ini boleh juga dipakai dengan ma`na على seperti yang tersebut pada firman Allah berikut:

قَالَ ءَامَنْتُمْ لَهُ قَبْلَ أَنْ ءَاذَنَ لَكُمْ إِنَّهُ لَكَبِيرُكُمُ الَّذِي عَلَّمَكُمُ السِّحْرَ فَلَأَقْطَعَنَّ أَيْدِيَكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ مِنْ خَلْفٍ وَلَأَصْلَبَنَكُمْ فِي جُدُوعِ النَّخْلِ وَلَتَعْلَمُنَّ أَيُّنَا أَشَدُّ عَذَابًا وَأَبْقَى ﴿٧١﴾

Bermaksud: Firaun berkata: “Patutkah kamu beriman kepada Musa sebelum aku memberi izin kepadamu? Sesungguhnya dialah ketua kamu yang mengajar sihir kepadamu. Sesungguhnya, aku akan memotong tangan dan kaki kamu dengan bersilang, dan aku akan memalang kamu pada batang-batang pohon tamar; dan sesungguhnya kamu akan mengetahui kelak siapakah di antara kita yang lebih keras azab seksanya dan lebih kekal”. (Thaha:71).

Maksudnya ialah peluh dari meminum susu itu keluar dari kuku sehingga ia kelihatan di atas kuku-kukuku.

Hadits ini juga menunjukkan ilmu yang Allah s.w.t. kurniakan kepada NabiNya telah memenuhi bahkan melimpahi tubuhnya.

²⁴⁶ Bahagian hadits ini mengisyaratkan kepentingan mencari ilmu selain yang diperlukan, kerana Nabi s.a.w. meminum susu dengan bersungguh-sungguh sehingga ternampak rembesan susu, jika ilmu tidak perlu dicari melebihi fardhu `ain, tentu Nabi s.a.w. hanya meminum sekadar yang perlu sahaja.

²⁴⁷ Sabda Nabi s.a.w. ini menunjukkan punca ketinggian dan keluasan ilmu Sayyidina `Umar r.a., Syah Waliyyullah telah mengumpulkan ilmu Sayyidina `Umar r.a. berupa kata-kata dan perbuatannya di dalam sebuah risalah yang dicantum di dalam kitabnya bernama: إزالة الخفاء عن خلافة الخفاء, beliau menyebutkan keluasan ilmu Sayyidina `Umar dalam pelbagai bidang termasuk kerohanian, pemerintahan, fiqh, ijtihad dan lain-lain. Ilmunya tidak boleh dianggap sebagai sembarangan ilmu, kerana ia adalah berpunca daripada lebih ilmu Rasulullah s.a.w., berapa banyak hukum-hakam dan perkara-perkara yang tidak dilakukan secara tetap di zaman Rasulullah s.a.w. ditetapkan dan diijma`kan di zaman beliau. Semua ini menunjukkan ilmu Rasulullah s.a.w. telah sampai kepadanya dan ia direstui Allah s.w.t., seperti shalat tarawih,

hudud orang yang meminum arak, empat takbir dalam sembahyang jenazah, pengharaman nikah mut'ah dan lain-lain ijma' sahabat yang telah berlaku di zamannya.

Jalaluddin as-Suyuthi menulis sebuah kitab bernama: *الكوكب الأغر في موافقات عمر* kerana banyaknya ayat-ayat al-Qur'an telah turun sesuai dengan pendapat pilihan Sayyidina 'Umar, sebagai contohnya masalah tawanan perang Badar, penentuan maqam Nabi Ibrahim sebagai tempat permulaan shalat dan lain-lain.

Dr. Ghalib 'Abdul Kafi menulis *أوليات الفاروق السياسية* khusus tentang penemuan kaedah baharu oleh Sayyidina 'Umar dalam sejarah politik dan pemerintahan.

Sekali pandang kepada hadits-hadits seperti ini, Saiyyidina 'Umar kelihatan sebagai seorang sahabat yang paling istimewa. Tiada siapa pun mengatasinya. Maka perlu sekali diketahui bahawa semua yang tersebut ini hanyalah merupakan keistimewaan dan kelebihan juz'i Saiyyidina 'Umar berbanding Saiyyidina Abu Bakar. Sementara Abu Bakar pula melebihinya dalam keseluruhan.

Perbandingan mereka berdua ialah dua orang pelajar dalam satu kelas. Salah seorang daripadanya mendapat nombor satu, meskipun yang seorang lagi melebihinya dalam mendapat markah mata pelajaran tertentu, namun ia tetap tidak mendapat nombor satu, ia hanya mendapat nombor dua sahaja, memandangkan yang pertama melebihi yang kedua dalam keseluruhan mata pelajaran.

Hadits ke-83 di atas juga mengajar kita supaya memberikan lebih ilmu yang tidak diperlukan kepada orang lain dan tidak menyimpannya untuk diri sendiri sahaja. Ia juga mengisytiharkan bahawa ilmu agama yang lebih dari kepeluan asasi itu tidaklah dikehendaki ada sepenuhnya pada Nabi s.a.w., ilmu yang lebih dari keperluan seorang Nabi seperti itu boleh juga diberikan kepada umatnya.

Maka janganlah ilmu yang tidak diperlukan itu tidak dipelajari semata-mata kerana seseorang itu tidak perlu kepadanya, ilmu lebih itu mungkin tidak diperlukan seseorang tetapi dia boleh menyampaikannya kepada orang yang lebih memerlukan, seperti orang yang tidak berniaga mempelajari hukum-hakam riba, orang yang tidak berkeluarga mempelajari hukum-hakam perkahwinan, perceraian dan penyusuan, orang yang cacat mempelajari cara berperang, orang di zaman sekarang mempelajari tentang sistem perhambaan dan lain-lain.

Termasuk dalam lebih ilmu juga hadits-hadits yang ditinggalkan oleh Nabi s.a.w. untuk dipelajari melebihi hadits yang masyhur. Fuqaha' terdahulu tidak mempelajari ilmu untuk menggunakannya secara peribadi, mereka berkongsi dan menyampaikan ilmu yang dipelajari itu kepada orang-orang yang memerlukan, itulah maksud dari keistimewaan lebih ilmu yang diajarkan.

Kerana itulah 'Allamah Sindhi berpesan bahawa setiap orang yang berilmu mesti mengajarkan ilmunya, agar tidak hilang ilmu di dada sehingga berlaku apa yang telah disebutkan dalam bab sebelum ini. Apa-apa sahaja yang membantu perkembangan ilmu mestilah disebar dan tidak dibawa mati.

²⁴⁸ Di dalam hadits Mi'raj pula susu dita'birkan dengan fitrah, kata Baginda s.a.w.:

فَأُتِيْتُ بِثَلَاثَةِ أَقْدَاحٍ، قَدَحٌ فِيهِ لَبَنٌ، وَقَدَحٌ فِيهِ عَسَلٌ، وَقَدَحٌ فِيهِ حَمْرٌ، فَأَخَذْتُ الَّذِي فِيهِ اللَّبَنُ فَشَرِبْتُ فَقِيلَ لِي أَصَبْتَ الْفِطْرَةَ أَنْتَ وَأُمَّتُكَ.

Bermaksud: Kemudian aku diberikan tiga mangkuk, satu berisi susu, satu lagi berisi madu dan satu lagi berisi arak. Aku mengambil mangkuk berisi susu dan meminumnya. Kemudian dikatakan kepadaku: “Engkau dan umatmu telah menepati fitrah (jalan yang benar).”

Dengan mengamati al-Qur'an dan al-hadits, Ibnu Sirin telah meletakkan satu kaedah umum untuk ta'bir mimpi, kata beliau: “Apa yang tersebut di dalam al-Qur'an maka begitulah ta'bir dan ta'wilannya”, contohnya ialah kata-kata orang Yahudi dan Nashāra:

وَقَالَتِ الْيَهُودُ وَالنَّصْرَىٰ نَحْنُ أَبْنَاءُ اللَّهِ وَأَحِبُّهُ

Bermaksud: Orang-orang Yahudi dan Nasrani berkata: “Kami adalah anak-anak Allah dan kekasih-kekasihNya.” (al-Mā'idah:18).

Perkataan أبناء pada asalnya adalah suatu perkataan majaz (kiasan), ia kemudiannya dipakai oleh orang-orang Yahudi dan Nasrani dengan erti ‘anak-anak’, padahal ma'na majazinya (kiasannya) ialah ‘orang-orang yang disayangi’. Oleh itu, mimpi melihat sesuatu berlaku kepada anak bermaksud mimpi tentang berlakunya sesuatu kepada orang yang disayangi.

Mimpi telur pula dita'wilkan dengan perempuan berdasarkan firman Allah s.w.t.:

وَعِنْدَهُمْ قَصِيرَاتُ الْظُرُفِ عَيْنٌ ۝ كَأَنَّهُنَّ بَيْضٌ مَّكْنُونٌ ۝

Bermaksud: Sedang di sisi mereka ada pula bidadari-bidadari yang tidak menumpukan pandangannya melainkan kepada mereka, lagi yang amat indah luas matanya; seolah-olah mereka telur yang tersimpan dengan sebaik-baiknya. (as-Shaffat:48-49).

Mimpi memakan daging manusia yang telah mati pula bermaksud mengumpat. Firman Allah di bawah inilah asasnya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ ۖ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَبِ بَعْضُكُم بَعْضًا ۚ أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ ۝

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah sebahagian daripada kamu mengumpat sebahagian yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha mengasihani. (al-Hujurat:12).

Hadits-hadits yang sahih, seperti ditunjukkan kepada Baginda s.a.w. perempuan tua yang bongkok tiga pada malam Mi'raj, bermaksud umur dunia yang sudah terlalu tua. Hadits yang kita telah sama-sama pelajari sebelum ini iaitu hujan yang turun dari langit bermaksud ilmu, hidayat dan bimbingan daripada Allah s.w.t., hadits tentang Nabi s.a.w. melihat Sayyidina 'Umar memakai baju yang labuh bermaksud agama yang utuh dan teguh. Asas-asas ta'bir mimpi telah diberikan oleh Rasulullah s.a.w.

dengan cara Baginda memberitahunya kepada sahabat-sahabat yang bertanya tentang maksud mimpi yang dialaminya dan dialami mereka.

Ibnu Sirin mengatakan orang-orang yang boleh dipercayai ta'bir dan ta'wilannya ialah orang yang paling tahu tentang al-Qur'an dan hadits.

Susu telah dita'birkan oleh Rasulullah s.a.w. dengan ilmu dalam hadits ini, memandangkan kedua-duanya sama-sama berguna dan banyak manfa'atnya kepada manusia. Susu merupakan makanan permulaan dan terbaik untuk manusia. Ia menyebabkan badannya menjadi kuat dan sihat. Ilmu pula merupakan sebab bagi kebaikan manusia di dunia dan di akhirat dan ia juga merupakan makanan rohaninya.

Kata al-Muhallab, "Mimpi susu menunjukkan Sunnah, fitrah, ilmu dan al-Qur'an. Susu adalah makanan permulaan seseorang manusia. Anak yang baru lahir dapat hidup dengan susu semata-mata. Demikian juga ilmu, dengan ilmulah hati manusia itu hidup. Dari sudut itulah terletak kesesuaian antara susu dan ilmu. Mimpi susu juga adakalanya menunjukkan kehidupan, kerana kehidupan bayi bergantung sepenuhnya kepada susu ibu. Kadang-kadang pula mimpi susu menunjukkan pahala, kerana ia merupakan salah satu ni'mat syurga, sebagaimana tersebut di dalam al-Qur'an dan juga hadits. Ada ketikanya mimpi susu menunjukkan harta benda yang halal. Sebabnya Nabi s.a.w. menta'birkan susu yang diminumnya kemudian diberikan lebihannya kepada 'Umar itu dengan ilmu ialah untuk menunjukkan kesejahteraan fitrah 'Umar dan ugamanya, lantaran ilmu itu adalah suatu tambahan pada kesejahteraan fitrah seseorang."

Antara pengajaran, panduan dan pedoman yang dapat diambil daripada hadits ini ialah:

- (1) Nabi s.a.w. juga seperti manusia lain dalam tabi'at kemanusiaannya, Baginda s.a.w. juga tidur dan minum.
- (2) Mimpi Rasulullah s.a.w. adalah benar dan ia juga merupakan wahyu dari Allah.
- (3) Sabda Rasulullah s.a.w. "dibawa kepadaku semangkuk susu" menunjukkan adanya khidmat kepada Baginda.
- (4) Sesetengah mimpi perlu dita'bir. Mimpi nabi-nabi a.s. juga seringkali mempunyai ta'bir-ta'birnya yang tersendiri. Tidak semestinya apa yang dimimpikan betul-betul berlaku dalam kenyataan.
- (5) Adanya apa yang dinamakan lebihan ilmu. Lebihan ilmu Nabi s.a.w. tidak boleh dianggap sembarangan dan remeh.
- (6) Kelebihan dan keistimewaan Saiyyidina 'Umar r.a. Hadits ini menunjukkan Saiyyidina 'Umar telah mendapat sebahagian daripada ilmu Rasulullah s.a.w. dan kebenarannya telah pun menjadi kenyataan.
- (7) Ilmu yang bukan merupakan fardhu 'ain juga perlu dipelajari dan diajarkan kepada umum.
- (8) Mempelajari dan mengajarkan ilmu-ilmu yang lebih daripada keperluan asas juga mendatangkan pahala.
- (9) Belajar sesuatu ilmu adakalanya bukanlah untuk diamalkan sendiri, sebaliknya untuk disebar kepada orang-orang lain yang memerlukannya.